Hakcipta Terpelihara © 2001 – Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis



# PANTUN PERLIS

## INDERA KAYANGAN 3

Oleh: WAN NAN WAN MAHMUD - FAWANA

Anak merak kampung Cina,
Singgah berhenti kepala titi;
Emas perak kebesaran dunia,
Budi bahasa tak dapat dicari.

Apa akal kita ke Bangkalih,
Buah kundur belah dua;
Apa akal nak bagi boleh,
Satu sangkar burungnya dua.

Apa guna nasi daun,
Nasi setalam rasa nak basi;
Apa guna tinggal setahun,
Tinggal semalam rasa nak mati.

Apa guna pasang pelita,
Kerana sumbu dok habis minyak ;
Apa guna main mata,
Yang itulah dok bagi tau orang banyak.

Apa guna panggang belibis,
Panggan punai ada di atap;
Apa guna tubuh panjang nipis,
Rendah mone sedap didakap.

Banyak orang ambil baja,
Saya seorang mengambil padi;
Banyak orang balik saja,
Saya seorang gagah menanti.

Dari Jejawi ke Kubang Gajah,
Jalan Simpang ke Mata Ayer;
Mungkir janji bukan mudah,
Bagai berhutang belum dibayar.

Kampung Kayang dulunya kota,
Tempat singgah anak juragan;
Di kiri sayang di kanan cinta,
Abang di tengah mati beragan.



Hakcipta Terpelihara © 2001 – Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis

Hakcipta Terpelihara © 2001 – Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis



Memburu rusa di tepi bukit,
Rusa diburu sepanjang hari;
Malu bukan satu penyakit,
Ubatnya tentu payah nak cari.

Negeri Perlis Indera Kayangan,
Tuanku Raja Syed Alwi;
Kalau boleh bang dok angan-angan,
Aku nak puasa tiga hari.

Banyak ubi perkara ubi,
Ubi keledek ditanam orang;
Banyak budi bicara budi,
Budi baik dikenang orang.

Bintang tujuh tinggal enam,
Gugur sebiji di Gunung Daik;
Hilang sebut tinggal enam,
Baru tahu emas tak baik.

Bukanlah mahal harga perabot,
Tidak ternilai tinggi harganya;
Harta orang jangan direbut,
Kalau direbut buruk padahnya.

Bunga andana bunga andani,
Tiga dengan bunga cipur;
Tuan di sana saya di sini,
Arwah juga berulang tidur.

Cik Wahab suka berkebun,
Tebang nanas di tepi paya;
Jangan diharap setitik embun,
kerana panas keringlah ia.

Angin barat bertiup lembut,
Bertiup pagi sampai petang;
Di mulut naga lagi ku rebut,
Inikan hidup sampai mati.

Apa dijual apa dibeli,
Mari sukat gantang Ali;
Bahasa tak boleh jual beli,
Dari hidup sampai mati.



Hakcipta Terpelihara © 2001 – Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis

Hakcipta Terpelihara © 2001 – Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis


Apa guna pasang pelita,
Kalau tidak dengan sumbunya;
Apa guna berjaga mata,
Kalau tidak dengan sungguhnya.

Banyak sungguh bunga melati,
Bawa mari ke dalam pekan;
Hidup kita lawan mati,
Mana baik kita tinggalkan.

Ayam ini ayam tambatan,
Mari ditambat pantai Melaka;
Ku dengar tuan bergedung intan,
Bolehkah saya tumpang berniaga.

Ayam ini ayam Melaka,
Mari dijual ke Tanjung Pagar;
Kalau tuan ingin berniaga,
Hasil negeri mahulah dibayar.

Banyak padi perkara padi,
Padi mana benih seberang;
Banyak budi perkara budi,
Budi yang mana dikenang orang.

Berbunyi mercun di tengah pekan,
Anak angsa datang menyudu;
Bagi racun saya nak makan,
Tiada kuasa menanggung rindu.

Buah kemuning setangkai lebat,
Mari diperam dalam panggung;
Sakit dan pening dapat diubat,
Rindu dendam siapa nak tanggung.

*Rujukan : Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu DBP, 1990*


Hakcipta Terpelihara © 2001 – Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis